

U B095 AAB
UMNO - MUJAHID

KUALA LUMPUR, 18 NOV (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI DISIFATKAN SEBAGAI SEORANG MUJAHID ISLAM YANG MEMPUNYAI CIRA-CIRI KEPIMPINAN ISLAM YANG BOLEH DIBANGGAKAN OLEH MASYARAKAT NEGARA INI.

PERDANA MENTERI SANGGUP MENGENEPIKAN SEGALA-GALANYA DEMI PERPADUAN UMAT ISLAM, KATA WAKIL PERGERAKAN WANITA, HAJAH ZALEHA HUSIN YANG BERUCAP MEMBAHASKAN USUL AGAMA PADA HARI KEDUA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI. USUL ITU KEMUDIANNYA DILULUSKAN SEBULAT SUARA.

BELIAU JUGA MENYIFATKAN KESANGGUPAN DATUK SERI DR MAHATHIR MENGHULURKAN TANGAN UNTUK PERPADUAN ORANG ISLAM, MELALUI KESEDIAANNYA UNTUK BERTEMU TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, SEBAGAI MENYAHUT +SERUAN IMAN+.

MENURUTNYA, SESEORANG ITU TIDAK PERLU MEMAKAI JUBAH, SERBAN ATAU MENYIMPAN JANGGUT UNTUK MENJADI MUJAHID, SEPERTI YANG SEBELUM INI BANYAK DIMOMOKKAN OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG KONONNYA MEREKA MEMPUNYAI RAMAI MUJAHID.

+UMNO KINI BOLEH BERBANGGA KERANA MEMPUNYAI MUJAHID YANG TELAH MENUNJUKKAN CIRI-CIRI KEPIMPINAN ISLAM,+ KATANYA. -- LAGI.
1830MST 18 11 89

U B098 AAB
UMNO - MUJAHID 2 KUALA LUMPUR

KETIKA ITU, SUASANA DALAM DEWAN MENJADI RIUH APABILA ANGGOTA PERWAKILAN BANGUN MEMBERI TEPUKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR. HAJAH ZALEHA JUGA MEMINTA DATUK SERI MAHATHIR TURUT BANGUN.

WAKIL ITU SEBELUM INI JUGA MENIMBULKAN KERIUHAN DENGAN +ARAHANNYA+ KEPADA Pengerusi Tetap Perhimpunan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Datuk Seri Dr Mahathir, supaya mengangguk kepala tanda bersejuju, dan ini diikuti oleh kedua-duanya.

SAMBIL BERJENAKA BELIAU BERKATA: +INILAH KELEBIHAN WANITA (DISURUH MENGANGGUK, ORANG MENGANGGUK). JADI JANGAN DIHINA KEBOLEHAN DAN KEUPAYAAN KAUM WANITA+.

DATUK SERI MAHATHIR BARU-BARU INI MENYATAKAN PERSETUJUANNYA UNTUK BERTEMU DENGAN PRESIDEN SEMANGAT 46 ITU BAGI Mencari penyelesaian terhadap perpecahan orang Melayu, dan semalam Tengku Razaleigh pula menyatakan persetujuannya tanpa syarat kepada pertemuan itu.

PERTEMUAN ITU DISARANKAN OLEH BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ YANG JUGA PENASIHAT SEMANGAT 46.

HAJAH ZALEHA JUGA MENYENTUH MENGENAI ULAMA YANG BELIAU KATEGORIKAN KEPADA EMPAT KUMPULAN IAITU YANG BERJUANG BENAR-BENAR UNTUK KEPENTINGAN ISLAM, MENDAPAT GELARAN ULAMA KERANA MENYERTAI PARTI POLITIK TERTENTU, ULAMA YANG CARI MAKAN DAN ULAMA YANG DIULAMAKAN OLEH ORANG TERTENTU. -- LAGI.

1845MST 18 11 89

U B099 AAB
UMNO - MUJAHID 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENASIHATI ORANG RAMAI SUPAYA MENGAWASI GELAGAT +ULAMA+ KUMPULAN KEDUA, KETIGA DAN KEEMPAT YANG DISIFATKANNYA AMAT MERBAHAYA KERANA +BOLEH MEMBUNUH DAN MENJEJASKAN PERPADUAN.+

+MEREKA INI PERLU DIUBAHSUAI DAN DIMASUKKAN KE DALAM BENGKEL YANG MEMBERI PENEKANAN KEPADA PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM,+ KATANYA SAMBIL MEMBERI ISYARAT KEPADA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOR SUPAYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERKARA ITU.

BELIAU JUGA MENCADANGKAN SUPAYA SEMUA ULAMA MENYERTAI SEBUAH BADAN PENASIHAT ISLAM YANG BERFUNGSI SEBAGAI PEMBERI NASIHAT ATAU PANDANGAN SEBELUM SESUATU UNDANG-UDANG DIBAWA KEPADA KABINET AGAR TIDAK BERCANGGAH DENGAN KEHENDAK ISLAM.

MENGENAI SEKOLAH AGAMA, BELIAU MENGGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MENYELARASKAN PENTADBIRAN SEKOLAH ITU DI SELURUH NEGARA AGAR SETANDING DENGAN SEKOLAH MENENGAH LAIN.

MENURUTNYA, SEJAJAR DENGAN KEDUDUKAN ISLAM SEBAGAI AGAMA RASMI NEGARA, KERAJAAN PERLU MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERKARA ITU UNTUK MELAHIRKAN CERDIK PANDAI YANG BERAKHLAK TINGGI DAN MEMPUYAI PENGETAHUAN DALAM HAL EHWAL ISLAM.

BELIAU JUGA MENYARANKAN AGAR KEMENTERIAN PENDIDIKAN MENGADAKAN KURSUS YANG SESUAI KEPADA PARA PELAJAR YANG AKAN DIHANTAR KE SEBERANG LAUT AGAR MEREKA TIDAK TERPENGARUH DENGAN NILAI DAN MORAL YANG MEROSAKKAN AKIDAH ISLAM MEREKA. -- BERNAMA.

1847MST 18 11 89